

Bil. 9

Rabu

1 Ogos 2018



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Memohon untuk Pembinaan Jalan Susur Keluar
(Highway Exit) Lebuhraya Utara-Selatan
di Kawasan Kampar**
- *YB. Tuan Su Keong Siong (Kampar)* [Halaman 1]
- **Pengagihan Kutipan Cukai Melalui Pendapatan daripada
Sektor Perjudian, Minuman Keras, Rokok dan
Nombor Ekor**
- *YB. Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)* [Halaman 3]

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA
Rabu, 1 Ogos 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)
mempengerusikan Mesyuarat]*

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

**Memohon untuk Pembinaan Jalan Susur Keluar (Highway Exit)
Lebuhraya Utara-Selatan di Kawasan Kampar**

2.34 ptg.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan ini dikemukakan untuk jawapan. Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) mula dibina pada tahun 80-an dan dibuka secara rasminya oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri pada 8 September 1994. Ia juga dikenali sebagai *North-South Expressway* (NSE) dengan jajaran sepanjang 847.7 kilometer dan merupakan kemudahan rangkaian lebuhraya yang baik bagi menghubungkan bandar-bandar utama di barat Semenanjung Malaysia. Lebuhraya NSE juga adalah pemangkin kepada nadi pembangunan dan tulang belakang bagi rangkaian pengangkutan di barat Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 80-an, Kampar telah pesat membangun dengan kawasan-kawasan perumahan, bangunan komersial yang baru dan kini Kampar terdapat penduduk-penduduk seramai lebih kurang 120,000 orang. Bandar Kampar juga telah pesat membangun sebagai hab pendidikan di mana universiti, kolej-kolej swasta telah didirikan dan tempat pelancongan yang menarik seperti Kapal Korek, Gua Tempurung dan lain-lain di bandar ini.

Namun begitu, salah satu masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampar adalah bahawa sehingga hari ini, tiada jalan susur keluar (*highway exit*) untuk Kampar di rangkaian Lebuhraya

Utara-Selatan yang merentasi kawasan Kampar. Walaupun janji-janji untuk membina jalan susur keluar (*highway exit*) telah diberikan pada suatu ketika dahulu, ia masih belum ditunaikan ataupun dikotakan. Salah satu alasan yang diberikan adalah bahawa kos pembinaan susur jalan keluar (*highway exit*) adalah terlalu tinggi dan tidak praktik walaupun ia tidak dapat dinafikan bahawa pembukaan jalan susur keluar (*highway exit*) adalah amat diperlukan pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa terdapat satu rancangan atau pelan untuk membina jalan susur keluar (*highway exit*) untuk Kampar iaitu daripada kawasan Sahom di Kampar. Akan tetapi, saya percaya bahawa rancangan ini akan melibatkan perbelanjaan kos yang terlalu tinggi dan sukar untuk dilaksanakan. Ia juga adalah tidak sesuai kerana ia akan menjejaskan kawasan Gua Tempurung dan juga kawasan penempatan Orang Asli di kawasan tersebut. Secara alternatif, saya bagi pihak penduduk-penduduk Kampar ingin mencadangkan bahawa kerajaan harus mempertimbangkan untuk menaik taraf Jalan Utama Persekutuan daripada Gopeng ke Kampar dan Kampar ke Tapah kepada laluan dua lorong untuk kemudahan penduduk-penduduk Kampar.

Rancangan atau pelan ini adalah lebih praktik, lebih senang dilaksanakan dan tidak akan menelan perbelanjaan yang terlalu tinggi berbanding rancangan untuk pembinaan jalan susur keluar (*highway exit*) daripada kawasan Sahom, Kampar. Justeru itu, saya memohon penjelasan daripada kementerian, sama ada kerajaan sudi mempertimbangkan permohonan, rungutan dan keluh kesah penduduk-penduduk Kampar agar Jalan Utama Persekutuan tersebut dinaiktarafkan kepada laluan dua lorong demi kesejahteraan dan manfaat penduduk-penduduk Kampar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian sama ada terdapat rancangan untuk membina susur jalan keluar (*highway exit*) di Kampar seperti mana yang telah dijanjikan oleh kerajaan terdahulu. Jika ya, adakah kerajaan akan meneruskan rancangan tersebut dan kos atau peruntukan yang diperlukan untuk membina susur jalan keluar dari kawasan Sahom di Kampar. Sekian, terima kasih.

2.38 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan persimpangan yang baharu di sesebuah lebuh raya pada masa hadapan hanya akan dilaksanakan jika ia termaktub di dalam perjanjian konsesi. Cadangan pembinaan persimpangan bertingkat khusus dari Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) di Kampar, Perak tidak termasuk dalam perancangan untuk dilaksanakan pada masa hadapan ini memandangkan pada masa kini, pengguna yang berhasrat untuk ke atau dari Kampar, Perak melalui Lebuhraya PLUS masih boleh menggunakan akses susur keluar

persimpangan Tapah, Exit 132 dan persimpangan Gopeng, Exit135 di mana ia hanya mengambil tempoh masa kurang dari 30 minit untuk menuju ke destinasi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan menaik taraf Jalan Persekutuan FT01 dari Tapah-Kampar–Simpang Pulai kepada laluan dua lorong dua hala, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat oleh kementerian ini tertakluk kepada kelulusan peruntukan diperoleh daripada agensi Pusat. Sekian, terima kasih.

■1440

Pengagihan Kutipan Cukai Melalui Pendapatan daripada Sektor Perjudian, Minuman Keras, Rokok dan Nombor Ekor

2.40 ptg.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk bertanya soalan pengagihan kutipan cukai melalui pendapatan daripada sektor perjudian, minuman keras, rokok dan nombor ekor. Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa hasil kutipan cukai adalah salah satu mekanisme dalam merealisasikan hasrat kerajaan dalam aspek pembangunan sosial dan infrastruktur. Memandangkan rakyat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum di mana Islam adalah agama rasmi negara dan agama-agama lain mempunyai hak dan kebebasan untuk mempraktikkan agama mereka tanpa sebarang halangan, dalam masa yang sama hasil kutipan cukai juga dibahagikan kepada dua jenis iaitu halal dan haram. Terdapat beberapa kategori perjudian yang dibenarkan seperti kasino, pertaruhan nombor ramalan, pertaruhan lumba kuda, loteri awam dan juga permainan mesin slot termasuk pusat hiburan dan karaoke.

Dalam jawapan Parlimen pada 2013, Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa jumlah cukai pertaruhan daripada enam syarikat operator nombor ramalan bagi tahun 2008 hingga 2012 ialah sejumlah RM6.3 bilion. Secara puratanya, kerajaan mengutip RM1.26 bilion setiap tahun daripada perjudian nombor ramalan. Ini tidak termasuk cukai perjudian daripada kasino di Genting Highlands dan mesin slot di kelab-kelab persatuan dan syarikat persendirian.

Saya ingin memohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, untuk menyatakan berapakah jumlah sebenar terkini hasil kutipan cukai daripada sektor haram dengan izin, *sin tax* daripada perniagaan seperti perjudian, arak, rokok dan nombor ekor ramalan termasuk keuntungan dari pusat-pusat hiburan dan karaoke yang berlesen dan juga kasino. Pada ketika ini, tidak ada satu mekanisme yang jelas atau telus dalam pengagihan hasil cukai perjudian yang disalurkan dan dibelanjakan. Apakah Kerajaan Pakatan Harapan akan berkelakuan adil dan

transparensi dalam kutipan serta pengagihan cukai sedemikian dalam memastikan cukai ini dapat dimanfaatkan oleh kaum bukan Islam? Apakah pengagihan sedemikian dapat disalurkan kepada pembangunan sosial masyarakat India dan juga sekolah-sekolah Tamil dan Cina, termasuk pembangunan modal insan serta menangani gejala sosial dan gengsterisme dari kalangan masyarakat bukan Islam yang dilihat semakin berleluasa.

Seterusnya, saya juga ingin bertanya, apakah kerajaan akan mengeluarkan satu garis panduan agar kepimpinan atau pengarah syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang tergolong dalam aktiviti haram dari aspek keagamaan tidak dipimpin oleh orang yang beragama Islam demi menghormati prinsip Islam di Malaysia termasuk Genting, Magnum, Toto dan semua aktiviti yang tergolong dalam cukai haram dengan izin, *sin tax*. Mohon jawapan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekian, terima kasih.

2.43 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Segamat yang bertanyakan soalan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa jenis aktiviti perjudian yang dilesenkan. Pertama adalah kasino. Genting Malaysia Berhad (GMB) merupakan syarikat tunggal yang diberikan lesen di bawah seksyen 27A Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289] untuk menganjur dan mengaturkan aktiviti kasino meliputi mesin gaming (*gaming machines*) dan permainan meja (*table games*) di premis berdaftar di Kompleks Genting Highlands Resort Hotel dan First World Hotel, Genting Sempah, Gunung Ulu Kali, Pahang dan Selangor. Bersempadan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua jangan tanya sayalah *gaming machines* ini macam mana, *table games* macam mana, saya pun tidak tahu dan mungkin lepas ini hendak buat lawatanlah mungkin, hendak tengok. Itu yang pertama, kasino.

Kedua Yang Berhormat Segamat, ialah nombor ramalan (*NFO – number forecast operator*). Operator yang dilesenkan dan dibenarkan untuk menjalankan perjudian nombor ramalan adalah:

- (i) Sports Toto Malaysia Sdn. Bhd.;
- (ii) Magnum Corporation Sdn. Bhd.;
- (iii) Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd.;
- (iv) Sarawak Turf And Equestrian Club;
- (v) Diriwan Corporation Sdn. Bhd.; dan
- (vi) Sandakan Turf Club.

Semua lesen induk, ejen dan pusat jualan NFO (*number forecast operator*) dikeluarkan di bawah seksyen 5 Akta Pertaruhan Pool 1967 [Akta 384] kecuali bagi Pan Malaysian Pools Sdn. Bhd. (PMP) yang bertindak sebagai ejen Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) melalui perjanjian penswastan serta peruntukan Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 [Akta 494]. Operator nombor ramalan yang berlesen diluluskan untuk mengadakan cabutan tiga kali seminggu iaitu pada hari Rabu, Sabtu dan Ahad. Betul ya Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya pun tidak tahu. [*Ketawa*]

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ketiga, mesin *gaming* kelab persatuan dan kelab syarikat. Operasi mesin perjudian dan mesin *gaming* dilesenkan di bawah seksyen 4 Akta Loteri 1952 [Akta 288] bagi kelab persatuan dan seksyen 27A Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289] bagi kelab syarikat.

Keempat, pertaruhan lumba kuda. Operasi pertaruhan lumba kuda dikawal selia oleh Lembaga Totalisator Malaysia iaitu seksyen 16 Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 disemak pada 1992 iaitu Akta 494 dan dijalankan dengan kerjasama Kelab Lumba Kuda Selangor, Kelab Lumba Kuda Perak dan Kelab Lumba Kuda Pulau Pinang. Johor tidak ada Yang Berhormat Segamat.

Kelima ialah loteri awam. Operasi loteri awam dijalankan oleh Pan Malaysian Sweeps Sdn. Bhd. iaitu Akta Kelab Lumba Kuda (Ambiltagan Awam) 1965 dan (Disemak 1989) [Akta 404] di mana operator perlu membayar duti di bawah peruntukan Akta Duti Pertaruhan dan Ambil Tagan 1948 [Akta 201].

Minuman keras dan produk rokok. Bagi minuman keras dan produk rokok, kedua-dua produk adalah tertakluk kepada pengenaan duti import, duti eksais dan GST. Selepas ini SST pula. Duti import dan duti eksais dikenakan pada kadar berbeza mengikut kategori minuman dan produk tembakau, manakala GST dikenakan pada kadar yang standard.

Hasil. Hasil Kerajaan Persekutuan yang Yang Berhormat Segamat tanya tadi, bagi aktiviti di atas mengikut tahun adalah seperti berikut. Kalau Yang Berhormat Segamat tidak sempat hendak catat, nanti saya serahkan secara bertulis kepada Yang Berhormat Segamat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri baik hati ya.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Kena baik hati dengan Yang Berhormat Segamat ini.

TAHUN	HASIL PERJUDIAN (RM)	HASIL ARAK (RM)	HASIL ROKOK (RM)
2013	2.73 bilion	1.71 bilion	3.59 bilion
2014	2.67 bilion	1.72 bilion	3.66 bilion
2015	2.69 bilion	1.96 bilion	3.48 bilion
2016	2.59 bilion	2.14 bilion	3.67 bilion
2017	2.47 bilion	2.25 bilion	3.34 bilion

■1450

Hasil yang dikutip oleh kerajaan ini akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan (KWD) sebagai hasil Kerajaan Persekutuan dan digunakan sebagai sumber perbelanjaan mengurus dan pembangunan negara. Dengan kaedah ini, pengagihan dapat disatukan untuk pembangunan sosial tanpa mengira kaum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sensitif mengenai penglibatan orang Islam dalam aktiviti perjudian ini. Sebagai bentuk pengawalan, Kementerian Kewangan menetapkan terma dan syarat di dalam lesen seperti larangan orang Islam untuk memasuki premis, tiada pekerja beragama Islam dan ahli-ahli beragama Islam memasuki bilik perjudian. Bagi operator mesin perjudian untuk kelab syarikat, Kementerian Kewangan telah menetapkan syarat-syarat untuk pemegang lesen bahawa orang Islam tidak dibenarkan memegang saham atau menjadi ahli lembaga pengarah syarikat pemegang lesen.

Walau bagaimanapun, bagi lesen yang dikeluarkan kepada Genting Malaysia Berhad (GMB), syarat berkenaan tidak terpakai kerana aktiviti kasino adalah merupakan salah satu cabang aktiviti perniagaan utama Genting Malaysia Berhad (GMB) selain perhotelan, taman hiburan, ladang dan lain-lain lagi. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Khamis, 2 Ogos 2018.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.53 petang]